

KITA PERLU 'JUAL' KEPAKARAN TEKNOLOGI — PM

KUALA LUMPUR 16 Nov. — Rakyat Malaysia yang mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi tinggi perlu “menjualnya” untuk dijadikan satu hasil pengeluaran yang bukan sahaja boleh mendatangkan keuntungan lumayan kepadanya tetapi juga masyarakat umum, kata Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Mesej yang ingin disampaikan oleh Perdana Menteri kepada rakyat Malaysia ialah: “Jangan kedekut. Jika mahu orang lain memindahkan teknologi tinggi kepada kita, kita juga mesti sanggup berkongsi pemindahan teknologi dengan mereka.”

Tegasnya, dengan menjualkan teknologi tinggi, sesuatu hasil pengeluaran itu akan menjadi popular dan dengan ini banyak wang yang dapat diperolehi di samping royalti yang dapat dikumpulkan jika berbanding dengan pengeluaran secara kecilan mengikut keupayaan sendiri.

Perdana Menteri berkata demikian semasa melancarkan komputer peribadi buatan Malaysia, Accent 2001, keluaran Melewar Holdings di Pusat Perdagangan Dunia Putra di sini.

MM 17 NOV 1985
“Sikap umum di kalangan rakyat Malaysia ialah apabila mengetahui tentang sesuatu, ia membuat secara diam - diam dan tidak mahu orang lain mengetahuinya. Ini adalah satu pendekatan yang salah,” ujarnya.

“Terlalu cemburu”

Perdana Menteri menegaskan sikap “terlalu cemburu” dengan kepakaran yang diperolehi perlu dikikiskan dengan mengagihkannya supaya lebih ramai orang mendapat faedahnya dan jika pengeluaran itu dipasarkan, akan mendatangkan keuntungan.

“Sesuatu hasil pengeluaran tidak bermakna jika tidak dipasarkan. Kita boleh mereka apapun tetapi ia tidak dapat dijual sehingga ada orang yang tahu memasarkannya dan mengeluarkan pengeluaran cantik yang mendapat penerimaan pasaran,” tambahnya.

Beliau lalu membawa contoh orang Britain dan Amerika yang mereka berbagai barangan yang menarik tetapi “kalah” di tangan Jepun yang berjaya membeli teknologi itu, mengeluarkan dan menjualnya dengan mendapat hasil keuntungan berlebihan daripada pereka asal.

Oleh demikian, beliau menekankan bahawa teknologi sahaja tidak berguna jika seseorang itu “terlalu cemburu” dengan teknologi yang ada dan menyimpannya untuk diri sendiri.

Di Malaysia pula, menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, terdapat teknologi tinggi dalam bidang getah dan kelapa sawit tetapi “jika seseorang itu meminta pemindahan teknologi itu” terutama dari mereka yang bersaing

dengannya, mereka tidak berapa berminat kerana tidak mahu orang berkenaan “mengalahkan kita” dalam bidang yang sama.

“Tetapi kita mahu orang lain memindahkan teknologi kepada kita sedangkan kita tidak mahu berkongsi teknologi dengannya.

“Jangan komplain jika orang lain juga kedekut dengan teknologinya kerana kita juga begitu. Jika orang lain memindahkan teknologi, tidak semua yang dipindahkan kepada kita. Cuma 90 peratus daripadanya diserahkan kepada kita dan kita harus mencari sendiri 10 peratus yang disembunyikan dari kita,” katanya.

Beliau yakin rakyat Malaysia boleh mempelajari teknologi baru jika mereka rajin mencarinya atau berani membawa teknologi menerusi peraturan lesen dengan orang lain yang belum dijayakan di negara ini.

“Semua orang jika mempunyai pende-

katan yang betul dapat mengendalikan perkara yang susah. Apa yang penting ialah kesedaran tentang apa yang berlaku, menyesuaikan dan menyerapkan teknologi mengeluarkan hasil pengeluaran baru yang mampu bersaing dan harga yang berpatutan.”

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata ini bukan merupakan perkara mustahil jika dilihat dari kemajuan Jepun. Dulu anggapan orang Eropah ialah orang Asia tidak boleh memandu kapal terbang, tetapi Jepun telah membuktikan bahawa orang Asia bukan sahaja boleh memandu kapal terbang tetapi mereka teknologi yang lebih baik dari orang Barat.

“Di Malaysia juga, hari ini adalah perkara biasa seorang anak kampung mendapat pelajaran dan boleh memandu kapal terbang Boeing. Begitu juga kebolehan kita dalam bidang lain.” ujarnya.